





Kakitangan DBKL mengepam air yang bertakung atas jalan ke dalam tangki untuk mengelak banjir kilat sekali gus melancarkan aliran trafik.

(Foto ihsan DBKL)

DBKL pam air elak banjir kilat

Tinjauan dibuat sekitar KL pastikan saluran tidak terhalang sampah sarap

Oleh Nuratikah Athilya Hassan dan Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan kerja melancarkan aliran air di atas jalan raya ke saluran masuk berdekatan, bagi

mengelak banjir kilat akibat hujan beberapa jam pagi semalam.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mahadi Che Ngah, melakukan tinjauan di Jalan Rahmat, Chow Kit dan berhampiran Lebuhraya Sultan Iskandar.

Beliau turut memeriksa saluran keluar air larian ke longkang tepi jalan bagi memastikan tidak tersumbat.

Mahadi turut meninjau paras air sungai dan memastikan saluran air tidak terhalang oleh sampah, akar pokok atau tumbuhan liar.

Hujan lebat berterusan meng-



Norazam Khamis

akibatkan pokok tumbang dan menimpa sebuah van sekolah di Jalan Pangkor, Titiwangsa Sentral, semalam.

Kakitangan DBKL selesai melakukan kerja pembersihan tengah hari semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran hujan lebat bakal melanda hampir ke seluruh Semenanjung apabila terdapat tanda menunjukkan ribut petir dengan kekerapan hujan melebihi 20 mm/jam.

Tingkat rondaan

Sementara itu di **Shah Alam**,



Pokok tumbang menghempap sebuah van sekolah di Jalan Pangkor, Titiwangsa Sentral, semalam.

(Foto ihsan DBKL)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) Selangor akan meningkatkan rondaan di 52 titik panas banjir di dalam menghadapi monsun timur laut.

Pengarah Bomba Selangor, Norazam Khamis, berkata kekerapan rondaan antara strategi selepas mendapati hujan turun setiap hari, menyebabkan paras air sungai meningkat.

"Anggota juga diberikan pendedahan pengendalian bot bagi meningkatkan kecekapan dan ke-

mahiran, terutamanya di kawasan berarus deras seperti di Taman Sri Muda.

"Bot juga perlu selalu dibawa serta diselenggara," katanya.

Norazam berkata, pihaknya mempunyai 72 bot pelbagai jenis dengan 15 bot ditempatkan di daerah Petaling kerana paling berisiko.

Katanya, bot berkenaan ditempatkan di Taman Sri Muda (Seksyen 25), Jalan Kebun (Seksyen 30) dan Seksyen 13.